

# Hotel Avillion Cameron Highlands Tawar 100 Studio, Suite

Sunday, 9 December 2018



AVILLION Hotel Group mengumumkan pelancaran hotel kelimanya, Avillion Cameron Highlands yang direka dalam suasana eksklusif dan kontemporari.

Avillion Cameron Highlands terletak di Tanah Rata, adalah kawasan perbandaran terbesar di dataran tinggi itu disasar bakal menjadi tumpuan pelancong dalam sektor korporat dan keluarga datang bercuti di Cameron Highlands.

Pengarah Avillion Berhad, Yulina Baharuddin berkata, pembukaan hotel ini adalah satu lagi langkah ke hadapan Avillion dalam membuka jalan menjadi syarikat perkhidmatan pengurusan hotel terkemuka di mana standard perkhidmatan dan hospitaliti menjadi standard emas industri untuk rakyat Malaysia.

Menurutnya, pihaknya percaya Avillion mempunyai sesuatu yang berharga untuk ditawarkan, dan sentiasa mencari peluang untuk menguruskan lebih banyak hotel di negara ini.

"Kami juga komited memperoleh kepercayaan dan memperoleh kesetiaan pelanggan dengan menawarkan mereka merasai pengalaman Avillion," katanya sempena Majlis Pelancaran Hotel Avillion Cameron Highlands di Cameron Highlands.

"Hotel Avillion Cameron Highlands menyediakan 100 studio dan suite yang bergaya dan luas dari studio yang unggul hingga ke suite premium dua bilik tidur yang sesuai untuk perniagaan dan percutian."

Kemudahan hotel termasuk empat bilik mesyuarat, taman permainan berkongsi, restoran dan gimnasium.

Selain Avillion Cameron Highlands, Kumpulan Avillion Hotel turut mengendalikan rangkaian resort, hotel dan spa di Malaysia dengan suasana tersendiri termasuklah Avillion Port Dickson, Avillion Admiral Cove, Avillion Legacy Melaka, Avillion Villa Cinta dan aVi Spa.